

50  
JUBLI EMAS  
SPRM  
1967-2017

E - B U L E T I N

SPRM

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

LAPORKAN RASUAH  
1-800-88-6000



SPRM Bil 3/2017

ISSN : 1675 -5170

Bebas • Telus • Profesional

50



JUBLI EMAS  
SPRM  
1967-2017

Ikuti kami :



[www.macc.fm](http://www.macc.fm)



[@SPRMCommunity](https://plus.google.com/@SPRMCommunity)



[facebook.com/SPRM](https://facebook.com/SPRM)



[@SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)



[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)



[flickr.com/photos/ourdifferentview](https://flickr.com/photos/ourdifferentview)



[www.ourdifferentview.com](http://www.ourdifferentview.com)



[youtube.com/user/ODVMACC](https://youtube.com/user/ODVMACC)

## KANDUNGAN

PENA PENGARANG .....	2
PERUTUSAN PM .....	3
KONTI MACC FM.....	7
BERITA DARI AKHBAR.....	8
PENDIDIKAN .....	9
LENSA .....	10,11
PENCEGAHAN.....	12,13
ALL SPRM .....	16

## Pena Pengarang

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ



**PENA PENGARANG**  
Assalamualaikum WBT,  
Salam Sejahtera, Salam Perangi Rasuah Dan Salam  
GERAH.

Bulan Oktober merupakan bulan penuh bererti bagi seluruh warga SPRM di mana SPRM meraikan ulang tahun penubuhan badan yang dipertanggungjawabkan untuk mempertahankan negara tercinta ini daripada gejala rasuah. Maka, tanggal 1 Oktober 2017, genap 50 tahun penubuhan BPR/SPRM sebagai sebuah suruhanjaya bebas yang menerajui usaha pencegahan rasuah di Malaysia.

Segala perit getir, suka duka telah berjaya ditempuh, malah pelbagai proses transformasi telah dilalui dan sejarah kejayaan yang telah dilakar menjadi tanda kejayaan dan kematangan SPRM selama ini.

SPRM pada tahun ini telah meraikan ulang tahun ke-50 dengan penuh kesyukuran menerusi aktiviti-aktiviti berkepentingan masyarakat. Antara inisiatif terbaik SPRM dalam mendekati masyarakat adalah Program Kembara Jelajah Anti Rasuah 2017 (KEJAR'17) sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun. Menerusi KEJAR '17, SPRM telah melaksanakan kembara konvoi bermotorsikal mengelilingi Semenanjung Malaysia selama dua minggu dari 18 sehingga 30 September.

Kemuncak sambutan ulang tahun ke-50 yang bertemakan Sehati Sejiwa Memerangi Rasuah, perasmian kompleks baharu Ibu Pejabat SPRM yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. Ini merupakan satu kebanggaan buat warga SPRM.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga SPRM atas segala komitmen dan usaha yang dicurahkan selama ini serta berharap akan terus cemerlang dalam mempertingkatkan tanggungjawab sebagai pegawai dan warga SPRM.

Akhir sekali, semoga sambutan Jubli Emas kali ini menjadi titik permulaan semangat juang SPRM untuk terus gagah memerangi rasuah secara bebas tanpa rasa gentar.

**DATO' HAJI ABDUL SAMAT BIN KASAH**  
(Penasihat Eksekutif Editorial)

## PERUTUSAN YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

Sempena Perasmian Ibu Pejabat Baharu SPRM @ 7G1, Putrajaya



Salam Negaraku 1 Malaysia.

Alhamdulillah negara kita baru selesai meraikan ulangtahun kemerdekaan yang ke-60. Malaysia kini lebih matang dan berupaya menterjemah semua hasrat kerajaan dan kehendak rakyat mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negara maju tanpa membelakangkan nilai-nilai murni dan pembangunan rohani dalam membentuk masyarakat yang mempunyai jati diri dan berintegriti.

Sejajar dengan hasrat ini, kerajaan sentiasa memberi komitmen yang tinggi dengan menjadikan pencegahan rasuah sebagai agenda utama sepanjang 50 tahun penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kerajaan akan sentiasa memberi komitmen terhadap usaha SPRM dengan menyediakan infrastruktur yang kondusif, pembangunan kapasiti dan kapabiliti modal insan yang cemerlang, peruntukan undang-undang yang mampan dan peruntukan kewangan yang mencukupi dalam memastikan SPRM dapat menjalankan peranan dan fungsinya dengan berkesan.

Pada hari ini, SPRM dilihat sebagai satu agensi yang dihormati dan disegani bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat antarabangsa. Saya amat berbangga dengan pencapaian ini dan diharap SPRM akan terus memberi khidmat terbaik untuk memastikan rasuah di negara ini dapat dikurangkan ke tahap yang paling minima.

Sempena sambutan ulangtahun penubuhan SPRM ke-50 yang bertemakan sehati sejiwa memerangi

rasuah, saya menyeru semua rakyat Malaysia bersama-sama kerajaan dan SPRM untuk membenci, menolak dan memerangi rasuah. Saya percaya kejayaan kita pada hari ini adalah hasil daripada kepercayaan, keyakinan dan sokongan pelbagai pihak terhadap pentadbiran negara dan amalan nilai murni yang membolehkan kita mengecapi kesejahteraan ekonomi dan kehidupan yang harmoni.

Akhir kata, semoga sambutan Jubli Emas kali ini menjadi titik permulaan pembakar semangat juang SPRM untuk terus gagah memerangi rasuah secara bebas tanpa rasa gentar sebagaimana gahnya bangunan baharu SPRM ini yang menjadi simbol kematangan, ketelusan dan profesionalisme SPRM.

**DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK**





# Konvoi KEJAR'17

## KEMBARA JELAJAH ANTI RASUAH SPRM 2017

### DESTINASI PERJALANAN

1	18/09/2017	PUTRAJAYA KUALA LUMPUR PORT DICKSON MELAKA	SELANGOR N. SEMBILAN MELAKA
2	19/09/2017	BANDARAYA MELAKA JOHOR BAHRU	JOHOR BAHRU
3	20/09/2017	JOHOR BAHRU TANJUNG GEMUK PEKAN KUALA PAHANG	PAHANG
4	21/09/2017	PEKAN KEMAMAN K. TERENGGANU	TERENGGANU
5	22/09/2017	K. TERENGGANU KUALA NERUS PENARIK TOK BALI	KELANTAN
6	23/09/2017	TOK BALI KOTA BHARU TUMPAT	KELANTAN
7	24/09/2017	KOTA BHARU TASIK BANDING	PERAK
8	25/09/2017	TASIK BANDING	PERLIS
9	26/09/2017	TASIK BANDING KANGAR SUNGAI PETANI	KEDAH
10	27/09/2017	KEPALA BATAS BAYAN BARU	PULAU PINANG
11	28/09/2017	BALIK PULAU ALOR PONGSU BUKIT MERAH	PERAK
12	29/09/2017	BUKIT MERAH IPOH	PERAK
13	30/09/2017	IPOH TAPAH KUALA LUMPUR PUTRAJAYA	KUALA LUMPUR

### PETA LALUAN KESELURUHAN



**2385KM**  
- JARAK KESELURUHAN KONVOI -

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menganjurkan Kembara Jelajah Antirasuah (KEJAR' 17) sebagai inisiatif mendekati masyarakat serta menyemarakkan sokongan masyarakat dalam memerangi dan membenci jenayah rasuah dan salah guna kuasa.

Program selama 12 hari merentasi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia bermula 18 sehingga 30 September, merangkumi konvoi 44 motosikal terdiri daripada pegawai SPRM diiringi oleh dua bas yang membawa rombongan pengurusan tertinggi serta pegawai kanan SPRM.

Melalui program KEJAR'17, pegawai SPRM telah

pergi dari negeri ke negeri untuk mendekati masyarakat dan memberi pendedahan mengenai jenis rasuah serta salah guna kuasa yang sering berlaku.

KEJAR'17 turut menjadi medan menyalurkan maklumat kepada masyarakat mengenai kewujudan SPRM dan usaha berterusan membanteras rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Dalam pada itu juga, konvoi tersebut memberi peluang kepada SPRM bertemu pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan pelajar dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).



**PM@MACC.fm** ▶  
1 OKTOBER 2017



YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak menyampaikan pesan di MACC.fm pada 1 Oktober lalu bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Penubuhan BPR/SPRM dan Perasmian Kompleks Baharu Ibu Pejabat SPRM.

**"Saya berbangga dengan pencapaian SPRM, kerajaan dan rakyat menganggap rasuah ini sebagai satu ancaman yang serius, sebagai musuh negara, sebagai sesuatu yang boleh mengancam keselamatan kita, ketamadunan kita, dan masa depan negara. Oleh itu, wajib bagi kita memerangi rasuah secara bersungguh-sungguh dan saya berharap sempena 50 tahun penubuhan SPRM ini, kita semua akan mengukuhkan lagi iltizam kita untuk melakukan apa yang termampu bagi memerangi ancaman yang serius ini."**

**- Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak,  
Perdana Menteri Malaysia**

**BERITA DARI AKHBAR  
JILID 55**

**3 DITUDUH UBAH WANG HARAM RM35.7J  
(BERITA HARIAN, 15 JUN 2017)**  
JOHOR BAHRU- Bekas EXCO Johor, Datuk Abd Latif Bandi @ Nor Sebandi bersama anak lelakinya dan seorang perunding hartanah, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 21 pertuduhan terbabit dalam perubahan wang haram berjumlah RM35.7 juta.  
Mereka didakwa mengikut Seksyen 4 (1) dan Seksyen 4(1) (a) Akta Perubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001 serta Seksyen 4 (1) (b) Pencegahan Perubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001

**TJILID 56  
SPRM, EAIC WUJUD JAWATANKUASA BERSAMA TANGANI RASUAH  
(BERITA HARIAN, 24 JUN 2017)**  
PUTRAJAYA- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bersetuju mewujudkan Jawatankuasa bersama bagi perangai rasuah dan salah guna kuasa agensi penguatkuasaan.  
Dalam satu kenyataan, SPRM memaklumkan, ia hasil pertemuan dan perbincangan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad bersama delegasi EAIC diketuai Pengerusinya, Datuk Yaacob Md Sam, di sini semalam.

**JILID 58  
SPRM SIASAT INDIVIDU BELI HOTEL  
(UTUSAN MALAYSIA, 15 JULAI 2017)**  
KUALA LUMPUR- Beberapa individu akan dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung pembelian sebuah hotel empat bintang bernilai RM330 juta di Kensington, London oleh Felda Investment Corporation (FIC) pada 2014.  
Menurut kenyataan SPRM, individu berkenaan merupakan saksi penting bagi membantu siasatan mengenai pembelian hotel tersebut antara 2013 hingga 2014.  
Jelas kenyataan itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad telah mengarahkan pasukan penyiasat membuka kertas siasatan selepas pihaknya menerima maklumat baharu berhubung kes tersebut.

**JILID 57  
ANGKARA RASUAH  
(UTUSAN MALAYSIA, 8 JULAI 2017)**  
KUALA LUMPUR- Minta wang suapan untuk memudahkan barangan dieksport secara haram yang seterusnya menyebabkan kerajaan kerugian kutipan cukai berjuta-juta ringgit. Itu kegiatan yang dilakukan seorang pegawai kastam di Bintulu Sarawak berpangkat penolong penguasa dipercayai sejak awal tahun ini bagi memperoleh pendapatan tambahan.  
Bagaimanapun kali ini, kegiatannya berjaya dihidu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil laporan daripada orang awam.  
Menurut sumber berdasarkan siasatan SPRM, barangan yang 'dilepaskan' suspek berusia 53 tahun itu ialah puluhan batang paip untuk kegunaan gas asli cecair milik sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) yang dipercayai telah dibeli oleh sebuah syarikat di Dubai dengan harga RM2 juta.

**JILID 62  
EXCO PULAU PINANG KENA REMAN LIMA HARI  
(BERITA MINGGU, 13 OGOS 2017)**  
GEORGETOWN- EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar negeri, Phee Boon Poh, yang ditahan bersama dua beranak berhubung operasi kilang haram di Sungai Lembu di Penanti, Seberang Perai, direman lima hari mulai semalam.  
Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Kanan Mahkamah Pulau Pinang, Ameera Mastura Khamis, bagi membolehkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat ketiga-tiga mereka mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.  
Keputusan dibuat Ameera Mastura itu bagaimanapun tidak dipersetujui peguam bela ketiga-tiga tahanan berkenaan iaitu Ram Karpal Singh dan RSN Rayer yang mewakili Boon Poh, serta Dev Kumaraendran yang mewakili dua beranak berkenaan yang juga pengarah dan pengurus kilang haram terbabit.

**JILID 59  
DUA DITAHAN KES BELI HOTEL DI LONDON  
(BERITA HARIAN, 22 JULAI 2017)**  
KUALA LUMPUR- Dua pengurusan kanan syarikat berasingan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung pembelian hotel empat bintang di Kensington, London, oleh Felda Investment Corporation (FIC).  
Mereka adalah ketua unit harta sebuah syarikat perkhidmatan pos berusia 36 tahun dan pengarah sebuah syarikat perundingan aset berusia 45 tahun. Mereka disyaki terbabit dalam penilaian harta dan harga bagi pembelian hotel berkenaan.  
Kedua-dua mereka ditahan di pejabat SPRM di Putrajaya pada jam 1 tengah hari semalam ketika hadir memberi keterangan mengenai pembelian hartanah itu di antara 2013 dan 2015.

**SOKONGAN MAHASISWA PERANGI RASUAH**



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memerlukan sokongan mahasiswa untuk mendukung perjuangan SPRM dalam memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata, SPRM mahukan mahasiswa teguh berdiri menggembelng tenaga bagi menentang kegiatan rasuah.

dan Salah Guna Kuasa (PEMARAH) yang berlangsung pada 12 Ogos lalu di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Disertai seramai 3,000 peserta yang terdiri daripada golongan pemimpin dan bekas pemimpin pelajar, program tersebut adalah anjuran Bahagian Pendidikan Masyarakat (Penmas) SPRM dengan kerjasama USIM, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang bertemakan 'Suara Pemimpin: Satu Revolusi Memerangi Rasuah'.

Beliau berkata demikian pada Perhimpunan Mahasiswa Anak Muda Memerangi Rasuah

# LENSA



## SAMBUTAN 50 TAHUN SPRM

Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke 50 Penubuhan BPR/SPRM dan Perasmian Kompleks Baharu Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya pada 1 Oktober lalu.



# LENSA



## IBR

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) antara program yang giat dijalankan sepanjang 2017 dengan memberi penekanan kepada ikrar serta janji yang dibuat oleh kepimpinan organisasi dan warganya dalam menjunjung tanggungjawab serta akauntabiliti.



## Teater Bahara Emas | 19-22 Oktober 2017 | Auditorium DBP, Kuala Lumpur

Pementasan teater dengan kerjasama ASWARA dan DBP membawa mesej kesan rasuah dan fitnah hingga mengakibatkan keruntuhan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Barisan pelakon terkenal antaranya Datuk Jalaluddin Hassan, Esma Daniel, Izzue Islam, Farahdhiya dan Amar Asyraf.



### Pelancaran Sahabat GERAH SPRM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melancarkan Sahabat Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) SPRM di mana semua lapisan masyarakat dipelawa untuk menjadi ahlinya.

Berlangsung pada 1 Ogos lalu di Kuala Lumpur, matlamat utamanya adalah memberi peluang kepada masyarakat untuk sama-sama terlibat dengan SPRM dalam usaha pencegahan rasuah dan memeranginya secara habis-habisan.



## SPRM Dipertanggungjawabkan Urus Integriti dan Tadbir Urus di GLC

Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak telah mengumumkan bahawa kerajaan Malaysia pada dasarnya bersetuju agar Unit Integriti dan Tadbir Urus ditubuhkan di semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta entiti perniagaan milik kementerian dan kerajaan negeri.

Diumumkan ketika ucap ternaik Invest Malaysia 2017 di Kuala Lumpur pada 3 Ogos lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipertanggungjawabkan untuk menguruskan unit tersebut di bawah pengawasannya.

## Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK, Indonesia) sertai program sandaran intipan di MACA



Program Sandaran Intipan (Internship on Surveillance in MACC) bagi Pegawai Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) Indonesia telah diadakan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) pada 7 Ogos lalu.

Mendapat bimbingan dari Cawangan Intip, Bahagian Perisikan, program tersebut bertujuan meningkatkan kepakaran dalam tugas intipan pegawai-pegawai KPK bagi pembanteras rasuah di Indonesia.

**Sambutan Hari Raya Bersama Masyarakat Pulau Ketam**



Hampir 600 masyarakat Cina di Pulau Ketam menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya bersama SPRM di Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Hwa Lien pada 14 Julai lalu.

**SPRM tampil kelainan sambut Aidilfitri bersama masyarakat India Kapar**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mencatat sejarah apabila buat julung kalinya mengadakan Majlis Aidilfitri SPRM bersama masyarakat India di Kapar pada 15 Julai lalu.



**Drama 'Banteras' Sebar Mesej Anti Rasuah**



Drama berjudul 'Banteras' hasil kerjasama di antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Fantasy Films Sdn. Bhd akan memaparkan mesej anti rasuah serta memberi kesedaran dan didikan kepada masyarakat. Bakal disiarkan menerusi saluran Radio Televisyen Malaysia (RTM), Banteras merupakan drama aksi antirasuah arahan Ghaz Abu Bakar, pengarah terkenal filem popular Polis Evo.

**Manuskrip JEJAK JASA SPRM**



Sebuah manuskrip Buku Sejarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertajuk Jejak Jasa SPRM 1967-2017 hasil tulisan oleh panel penulis dan penyelidik Jabatan Sejarah Universiti Malaya yang diketuai oleh Dr. Zulkanain Abdul Rahman, telah dibentangkan dan diserahkan kepada SPRM pada 4 Julai lalu bersempena sambutan ulang tahun ke-50 penubuhan BPR/SPRM. Selain memaparkan perjalanan sejarah Badan Pencegah Rasuah (BPR)/SPRM, buku tersebut juga turut merakamkan detik-detik bersejarah dan kejayaan yang berlaku sepanjang penubuhan BPR/SPRM.

**Pelancaran Bendera SPRM | 1 Ogos 2017**



**Merah** Barisan kekuatan semangat waja pegawai - pegawai SPRM yang mesra rakyat tetapi tegas dalam melaksanakan ASPRM 2009  
**Kuning** Bersemangat waja dan terus mara dalam membanteras segala bentuk jenayah rasuah di Malaysia  
**Hitam** Tidak gentar dan ragu serta serius dalam membanteras jenayah rasuah di Malaysia  
**Logo Perisai** Perisai integriti Pegawai SPRM



**Majlis Paluan Berundur Sempena Perpindahan Ibu Pejabat SPRM**



Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Dzulkifli Ahmad menyempurnakan upacara menurunkan dan menaikkan bendera sebagai simbolik perpindahan dan secara rasminya bermulanya pentadbiran SPRM di bangunan baharu.



Berlangsung pada 24 Ogos lalu, upacara menurunkan bendera dijalankan di Blok D6, Kompleks D manakala upacara menaikkan bendera baharu pula dilakukan di padang kawad tingkat 7 di bangunan baharu.

**Ziarah Kasih Siri Ke-3 diserbu 5,000 penduduk**



Program Ziarah Kasih siri ketiga anjuran SPRM disambut meriah oleh kira-kira 5,000 penduduk sekitar daerah Jelebu pada 26 Ogos lalu.

**KP turun padang dengar keluhan peneroka GATCO**



Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad turun padang di Bahau pada 28 Ogos lalu untuk mendengar keluhan dan permasalahan hampir 400 peneroka Kampung Serampang Indah atau dikenali sebagai Gatco.





**Pelancaran Logo Sambutan Jubli Emas BPR/SPRM**

Bersempena sambutan Jubli Emas, SPRM melancarkan logo sambutan 50 tahun dengan memaparkan angka 50 berlatarbelakangkan warna hitam dan emas serta temanya 'Sehati Sejiwa Memerangi Rasuah' di ibu negara pada 12 September lalu.



Dalam pada itu, kolaborasi SPRM dan Prasarana menerusi kempen pencegahan rasuah adalah yang pertama dalam sektor pengangkutan awam dengan memilih Transit Aliran Ringan (LRT) untuk memaparkan mesej pencegahan rasuah dalam dua gerabak LRT laluan Kelana Jaya.

**Kolaborasi SPRM MARA Sebar Kempen 3J**

SPRM dengan kolaborasi Majlis Amanah Rakyat (MARA) meneruskan komitmen untuk memerangi rasuah dengan melancarkan Kempen Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) dan Kempen 3J (*Jangan Hulur, Jangan Kawtim, Jangan Settle*) di ruang legar Terminal Bersepadu Selatan, Kuala Lumpur pada 13 September lalu.



Komitmen tersebut dizahirkan menerusi paparan mesej anti rasuah di tiga buah bas MARA Liner bagi perjalanan dari Kuala Lumpur-Johor, Kuala Lumpur-Kedah dan Kuala Lumpur-Perlis.

**Karnival GERAH SPRM-DBKL**



SPRM telah melancarkan Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 17 September lalu. Turut hadir di karnival GERAH SPRM-DBKL 2017 adalah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor.

Karnival yang julung kali itu diadakan bersempena ulang tahun SPRM ke-50 dan bertujuan mempromosikan GERAH kepada orang ramai selain menjalinkan hubungan erat dengan masyarakat setempat.



**DAPATKAN BUKU SEJARAH SPRM**

kini di [www.umpress.com.my](http://www.umpress.com.my)

**A**pakah peranan, sumbangan dan pencapaian SPRM untuk tempoh 50 tahun dari 1967-2017? Bagaimana kronologi peruntukan undang-undang berkaitan jenayah rasuah? Bilakah titik tolak kepada perubahan organisasi pencegahan rasuah? Dalam konteks tiga persoalan inilah buku ini memiliki keunikan dan keistimewaan yang tersendiri. Buku ini merupakan penulisan pertama berkaitan dengan sejarah undang-undang jenayah rasuah dan pencapaian institusi pencegahan rasuah di Malaysia merentas zaman. Penubuhan Unit Jenayah Khair dan Unit Pencegahan Rasuah pada tahun 1999 perlu diambil kira sebagai titik tolak ke arah penubuhan Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada tahun 1967 apabila kedua-dua unit sedia ada ini digabungkan menjadi satu institusi bertaraf nasional dan antarabangsa dan terpisahkan sepenuhnya daripada pasukan Polis Diraja Malaysia. Selepas melalui beberapa perubahan, pada tahun 2009, BPR telah bertukar kepada sebuah scharanjaya, iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dalam tempoh 50 tahun penubuhannya, SPRM telah memberi sumbangan yang sangat bererti di peringkat nasional dan antarabangsa dalam memperkayakan kesedaran masyarakat untuk tidak terbelit dengan jenayah rasuah. Buku ini adalah rujukan penting dan autentik untuk mengetahui sejarah dan pencapaian SPRM memberantas jenayah rasuah di Malaysia.



**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**

- FI MASUK : RM20.00
- MODAL SAHAM : MINIMUM RM100
- SIMPANAN MINIMUM : RM30.00/BULAN
- INSURANS KELOMPOK : RM10.00/BULAN
- TABUNG KEBAJIKAN : RM5.00

**KEAHLIAN**

TERBUKA KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN SPRM, PESARA DAN BEKAS KAKITANGAN YANG PERNAH BERKHIDMAT DENGAN SPRM

**POTONGAN ADALAH MELALUI BIRO ANGKASA**

**KEISTIMEWAAN DAN FAEDAH AHLI KOPERASI**

- ✓ Kemudahan pembiayaan pinjaman
- ✓ Dividen tahunan (Saham)
- ✓ Khairat kematian
- ✓ Kebajikan
- ✓ Pendidikan
- ✓ Perlindungan insurans
- ✓ Harga ahli untuk kedai serbaneka
- ✓ Kemudahan Mes Pegawai

**KOSP-ERA**  
كوڤراسي سوروهنجاي فنڠكهن رسواه مليسيا برحد

*Sehati Sejiwa*  
**MEMERANGI RASUAH**



[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)